

PERKEMBANGAN PENTADBIRAN HAL EHVAL  
AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA DAN  
PERLAKSANAANNYA

O  
L  
E  
H

RASHID REDZA BIN MD. SALEH

KURSUS  
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN  
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
SESSI 1990/91

P  
E  
N  
Y  
E  
L  
I  
A

DR. MOHAMMAD BIN ARIFIN

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
KUALA LUMPUR

DONATED TO THE LIBRARY OF  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY  
BY

KULLIYAH OF LAWS, IIU

Date Received : 28/6/92



PENGHARGAAN

Segala puji pujian bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Saya bersyukur kepada Allah kerana dengan limpah taufik dan hidayahnya penulis dapat menyiapkan kertas projek ini yang bertajuk "PERKEMBANGAN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM DAN PELAKSANAANNYA" sebagai syarat memperolehi Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa Kuala Lumpur.

Di ruangan ini juga penulis berterima kasih kepada semua yang terlibat terutama kepada Pengarah dan Kakitangan Jabatan Agama Islam Melaka yang telah memberikan sokongan dan kerjasama kepada penulis.

Doa dan restu penghargaan diberikan kepada semua Pensyarah Pensyarah yang terlibat dalam menjayakan Kursus Kehakiman dan Pentadbiran Islam di Universiti Islam Antarabangsa.

Akhir kata jutaan terima kasih kepada rakan-rakan sepengajian yang telah memberi dorongan tunjuk ajar dalam melengkapkan diri serta menyiapkan kertas projek ini.

WABILLAH AL TAUFIK WA'AL HIDAYAH.

RASHID REDZA BIN MD. SALEH  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
KUALA LUMPUR.

## PENDAHULUAN

(A) TUJUAN KAJIAN

Perkembangan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Melaka mempunyai sejarah struktur dan organisasi yang menarik.

Dari segi sejarahnya, Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam adalah tersendiri. Ianya bermula dari zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Apabila Kesultanan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis pada 10hb. Julai, 1511M. Maka bermulalah zaman penjajah Barat di Melaka. Penjajahan ini bersilih ganti dan berterusan sehingga lima ratus tahun. Dizaman penjajahan Barat, Pentadbiran pentadbiran Negeri Melaka telah bertukar corak dan pentadbiran yang berdasarkan Hukum Syarak kepada Pentadbiran yang berdasarkan kepada undang undang yang dibawa oleh penjajah Barat. Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam tidak diambil berat oleh pemerintah penjajah. Ianya terserah kepada masyarakat Islam. Jadi maju atau mundurnya Pentadbiran Agama Islam dan masyarakat terserah bulat bulat kepada masyarakat Islam sehinggalah Melaka mencapai kemerdekaan melalui Persekutuan Tanah Melayu pada 31hb. Ogos, 1957. Kerajaan telah menubuhkan beberapa agensi Agama seperti Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam untuk menguruskan dan mentadbir Hal Ehwal Agama Islam di negeri ini.

Tujuan kajian Ilmiah ini sebenarnya ialah untuk melihat

bagaimanakah Pentadbiran Hal Ehwal Agama itu dikendalikan atau untuk tujuan yang dimaksudkan di atas kajian akan dibuat berhubung dengan perkara di bawah :

1. Meninjau tentang latar belakang sejarah pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam.
2. Mengkaji tentang struktur (susunan) Pentadbiran dan organisasi.
3. Melihat sejauh mana pula pentadbiran, pelaksanaan Hal Ehwal Agama ini memberi kesan kepada masyarakat Islam di negeri ini.

#### (B) METODOLOGI KAJIAN

Untuk mencapai maksud atau tujuan yang dikemukakan di atas penulis telah menggunakan beberapa cara kajian yang difikirkan dapat membantu memberikan hasil. Di antara cara yang telah digunakan ialah seperti berikut :

1. Membuat kajian dan rujukan dari buku dan bahan-bahan bertulis yang lain seperti majalah.
2. Membuat temuduga temuduga dengan orang yang difikirkan dapat memberi keterangan yang diperlukan.
3. Berdasarkan kepada laporan-laporan fail-fail rekod yang ada dalam simpanan pejabat yang berkenaan dan boleh di dapati.

#### (C) MASALAH KAJIAN

Dalam masa membuat kajian ini, penulis telah mengalami beberapa masalah. Masalah utama ialah berhubung dengan

perkara mendapatkan bahan yang diperlukan baik buku itu merupakan bahan kedua mahu pun juga buku itu merupakan bahan pertama.

Kesulitan untuk mendapatkan bahan kedua ialah kerana kurang sekali buku-buku yang dapat dibuat rujukan. Ini disebabkan kurang kajian kajian yang dibuat mengenai Hal Ehwal Islam di negeri ini pada umumnya.

Bahan-bahan pertama yang dapat digunakan oleh penulis seperti lapuran rekod rekod dan fail fail pejabat juga terhad. Perkara yang dianggap perkara penting sukar didapati kerana ia menjadi rahsia pentadbiran atau rahsia pejabat.

Walaupun bagaimanapun dalam hal yang lain, bahan-bahan boleh didapati dengan baik dan memuaskan terutama sekali dari mereka yang telah ditemui.

# KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	ii
PENDAHULUAN	iii
BAB I	
PENUBUHAN KERAJAAN MELAYU MELAKA DAN PENYEBARAN ISLAM	1
BAB II	
SUSUNAN DAN ORGANISASI PENTADBIRAN HAL EH-WAL AGAMA ISLAM MELAKA	49
BAB III	
JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA	113
BAB IV	
MAHKAMAH SYARIAH	184
BAB V	
PENUTUP	248
BAHAN RUJUKAN	
LAMPIRAN	

PENJELIHAN KERAJAAN MELAYU MELAKA  
DAN PENYEBARAN ISLAM

Negeri Melaka terkenal di zaman pemerintahan Raja Raja Melayu yang mana ianya menjadi pusat perniagaan di antara Timur dan Barat juga bandar pelabuhan kapal yang terkenal di rantau Asia.

Mengikut catitan sejarah yang terdapat di dalam buku buku sejarah tempatan dan luar seperti Sejarah Melayu-Sejarah Melayu Melaka dan lain lainnya. Melaka telah dibuka dengan rasminya pada awal abad ke 15 M, iaitu kira kira pada tahun 1402M, oleh seorang bangsawan yang bernama Parameswara, berasal dari Kerajaan Seri Vijaya, Palembang, yang melarikan diri ke Temasik (Singapura) di abad ke 14 M kerana terlibat dalam perebutan kuasa di negerinya. Di Temasik beliau tidak mendapat tempat untuk tinggal lebih lama kerana terlibat pula dengan pembunuhan wakil Raja Siam di Temasik. Akhirnya beliau lari pula ke Batu Pahat, Muar dan terus ke Melaka apabila angkatan tentera Siam menyerang Temasik. Ketika Parameswara sampai ke Melaka terdapat ramai orang yang tinggal di situ Melaka pada waktu itu merupakan sebuah pelabuhan perkampungan nelayan di pinggir Kuala Sungai Melaka. (1)

Oleh kerana tempat ini sesuai dijadikan negeri dan adanya penerimaan dan sokongan penduduk tempatan terhadap

---

1. Hj. Abdullah Ishak Dr., Islam di Nusantara  
AL RAHMANIAH 1990

Parameswara, maka dengan daya usaha serta kebijaksanaan Parameswara dan pengikutnya terbentuklah sebuah Kerajaan yang berperaturan dan memakai gelaran Raja atau Sultan, dan dengan ini tertubuhlah Kerajaan Melayu Melaka. Kerajaan ini terus mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah kesultanan dan memajukan Negeri Melaka. Dalam pada itu Islam yang telah lama bertapak di Negeri Arab (Mekah) pada abad ke 7 M telah tersibar di merata rata tempat di negara negara sekitarnya seperti Turki, Eropah Timur dan di Utara Benua Afrika dan di Kawasan Telok Parsi, India dan Pakistan serta negara negara Nusantara dalam abad ke 12 M dan 13 M. (2)

Penyebaran Islam ini berlaku melalui pembukaan wilayah wilayah baru bagi Kerajaan Islam, dengan cara utusan dan diplomasi atau disebarkan dengan cara pedagang pedagang dan mubaligh yang berniaga di pelabuhan pelabuhan yang telah lama maju atau yang baru dibuka di sepanjang pantai Barat India, Gujrat, Pasai, Pertak di Utara Sumatera.

#### Melaka Sebagai Pusat Penyebaran Islam

Dalam membicarakan perkara ini, Melaka sebagai pusat bagi penyebaran Islam elok juga kita tinjau dahulu tentang kemasukan Islam ke Melaka. Mengenai hal ini, di kalangan para sarjana telah memberikan berbagai bagai pendapat. Tome Pires umpamanya dan juga Alfonso berpendapat bahawa Iskandar Syah

---

2. Hj. Abdullah Ishak Dr., Islam di Nusantara, hal 96

adalah raja pertama memeluk Islam iaitu melalui perkahwinan dengan puteri Pasai. Umur baginda ketika itu adalah melebihi tujuh puluh tahun. Sementara itu Ma Huan dan Prof. Wang Gung Wu menyatakan bahawa pemerintah pertama Melaka yang mati pada tahun 1413 serta rakyatnya didapati telah memeluk Islam. (3) Melalui catatan Sejarah Melayu pula didapati Melaka mula menerama Islam ialah pada masa Raja Kecil Besar. Raja Kecil Besar telah bermimpi berpandangan dengan Rasulullah. Peristiwa ini dapat dirakamkan seperti berikut:

"Rasulullah bersabda, 'ucap oleh mu kalimah syahadat', maka diikuti oleh Raja Kecil Besar. Maka Sabda Rasulullah, 'Adapun nama mu Sultan Muhammad; esok hari waktu Asar matahari, datang sebuah kapal dari Judah, turun orangnya sembahyang di pantai Melaka ini; hendaklah engkau ikut barang katanya.' Maka sembah Raja Kecil Besar, baiklah; Tuanku yang mana sabda junjungan itu tiada hamba lalui". (4)

Seperti mana yang dimimpikan itu, keesokan harinya datang kapal dari Judah serta Makhdum di kapal itu ialah Saiyyid Abd. Aziz. Raja Kecil Besar telah memeluk agama Islam serta diikuti oleh pembesar pembesar dan rakyatnya. Baginda kemudian digelar Sultan Muhammad Syah oleh Saiyyid Abdul Aziz.

- 
3. Yahya Abu Bakar, "Kemasukan Islam Ke Melaka Dan Penyibarannya" Seminar Sejarah Melaka 14-18 Dis. 1976 (UKM: 1976), hal. 5
  4. W.G.Shellabear, Sejarah Melayu, (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1975), hal. 54-55

Memandangkan kepada penerimaan Islam oleh pemerintah Melaka itu, maka kedudukan agama Islam ini mencapai tempat yang tinggi serta menjadikannya sebagai pusat perkembangan dan juga penyiaran Islam serta kebudayaan, kesusasteraan, perundangan serta Tasawuf. Serentak dengan ini juga ianya turut berkembang ke negeri negeri sekitar di Tanah Melayu dan Nusantara umumnya. (5)

Selain daripada itu, dengan Islam menjadi kepercayaan rakyat dan pemerintah telah menjadikan Melaka mencapai puncak kekuasaannya. Ini meliputi seluruh kawasan di Semenanjung Tanah Melayu dan juga kawasan kawasan di Sumatera. Dengan ini Islam turut disebarikan oleh Melaka. Tambahan pula Melaka menjadi pusat perdagangan antarabangsa dan juga jalan perdagangan laut antara Laut Merah, Telok Parsi, Negeri China dan Asia Timur serta kawasan kepulauan Asia Tenggara itu sendiri. Oleh kerana perdagangan ini dikuasai oleh pedagang pedagang Arab, menjadikan Melaka tempat tumpuan para mubaligh Islam dan ini memberikan peluang dalam memperdalami Islam itu sendiri. (6)

Memandangkan kepada strategik serta majunya Melaka, ini memberikan kesan kepada pihak pemerintah membuat undang undang agar ianya dipatuhi oleh orang orang Islam dan juga bukan Islam yang berada di Melaka. Ini membuatkan undang

---

5. Yahya Abu Bakar, Seminar Sejarah Melaka, hal. 16

6. Mohd Dahlan Manscer, Pengantar Sejarah Nusantara Awal, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979) hal. 247

7. Ibid, hal. 247

undang yang ada itu memperlihatkan kepada unsur unsur Islam di dalamnya dan pihak pemerintah pula mempunyai pilihan samada ingin menjalankan undang undang itu berdasarkan adat ataupun Islam.

Berdasarkan ini, Melaka telah memainkan peranan sebagai pusat penyiaran Islam yang penting di rantau ini. Ianya dilakukan melalui perdagangan, perkahwinan, kegiatan para pendakwah Islam dan sebagainya. Dengan penerimaan Islam di Melaka itu juga telah membawa perubahan yang sangat mempersonakan rakyat tempatan dan sekitarnya samada di segi politik, ekonomi dan juga tempatan dan sekitarnya.

#### Sumber Undang-Undang Melaka

Islam pada dasarnya telah memberikan asas dan tapak yang teguh dalam undang undang Melayu Tradisional. Sumbangan yang diberikan itu adalah meliputi perkara perkara yang berhubung dengan undang undang keluarga yang hampir kesemuanya diambil terus dari hukum Islam. Begitu juga peruntukan wajar yang diberikan dalam hal jenayah dan juga awam.<sup>(8)</sup>

Kajian sejarah undang undang Melaka pada abad kelima belas dan sekitar awal abad keenam belas adalah sangat bernilai. Ini disebabkan kajian tersebut bukan sahaja menyentuh sejarah terawal undang undang bertulis tetapi juga berkaitan dengan penerimaan Undang undang Islam dan gambaran

---

8. Yusoff Hashim, "Hukum Kanun dan Undang undang Melayu Lama Dalam Sejarah Kesultanan Melayu", Jernal Sejarah, Jilid XV (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia Malaya, 1977/78), hal.144

sistem undang undang para Islam. Dalam pada itu, konsep dan pengertian undang undang pada zaman itu wajar ditunjukkan mengikut ukuran dan pandangan masyarakat pada masa itu.

Sejarah Melayu dikatakan mempunyai beberapa kenyataan bernilai iaitu unsur unsur undang undang tidak bertulis yang wujud dalam tempoh lapan belas abad. Istilah seperti titah, daulat, murka, kurnia, anugerah dan beta misalnya dikatakan mengandungi nilai nilai undang undang sejarah Melayu. Ia menggambarkan bagaimana raja merupakan satu undang undang dan punca keadilan.

Hukuman bagi kesalahan kesalahan seperti membunuh orang, menikam, menetak, memukul, merampas, mencuri, menumbuk, berdusta dan menyangkal titah raja ditetapkan oleh raja dalam mentadbirkan undang undang yang dibuat olehnya sendiri. Raja dilambangkan sebagai puncak kehakiman. Pengumuman yang diberi oleh raja akan menyebabkan seseorang itu bebas daripada sebarang hukuman. Dalam pada itu pelaksanaan hukuman itu pula kerap kali tidak seimbang. Sekiranya golongan bangsawan yang terlibat hukuman ke atasnya sama ada diringankan atau dikenakan langsung.

Mengenai undang undang di Melaka yang dapat dirujuk, selain daripada teks sejarahnya, ialah kitab undang undangnya

---

9. Prof. Ahmad Mohamad Ibrahim Ahilemah Jones, Sistem Undang-undang di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, K.L, 1986, hal. 10-11

yang setakat diketahui terbahagi dua, pertamanya mengenai undang undang negeri atau undang undang kerajaan dikenali Hukum Kanun atau Undang undang Melaka. Bidang kuasa undang undang ini adalah merangkumi pusat (Negeri Melaka sendiri), anak sungai, dusun juga yang takluk kepada negeri itu. Kandungannya antara lain meliputi tanggungjawab raja serta pembesar, pantang larang di kalangan anggota masyarakat, penghukuman atas kesalahan jenayah dan awam, undang undang keluarga, permasalahan ibadah dan muamalah yang amat jelas, (10) hukum perhukuman dan seterusnya.

Kedua ialah Undang undang Laut Melaka. Peruntukannya adalah bersabit dengan hal hal di laut seperti tanggungjawab pegawai pegawai kapal, aturcara pelayaran dan perniagaan, perhukuman pada kesalahan jenayah atau syariyyah Islam juga (11) bidang kuasa nakhoda kapal. Lantaran selalu berlakunya ketidak sejawaran dalam perkara perkara yang diperuntukkan dalam kedua dua undang undang tersebut maka sering terjadi percampuran hukuman. Oleh itu tanpa meneliti setiap fasal kedua dua undang undang tersebut dengan terperinci memanglah sukar dibuat pembahagian yang umum sahaja diantara hukum adat dengan undang undang Islam. Dasar hukum adat yang nampak digunakan ialah adat Temenggong dan hukum Islam pula jelas

---

10. Muhammad Yusoff Hashim, "Islam Dalam Sejarah Perundangan Melaka di Abad ke 15/16", Islam di Malaysia (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979), hal.4

11. Ibid, hal. 4

memperlihatkan unsur undang undang mengikut Mahzab Syafi'i.

### Anasir-anasir Islam Dalam Pemerintahan Kerajaan Melaka

Setelah kita mengikuti terhadap latar belakang kerajaan Melaka sebelum ini iaitu mengenai dengan peranannya dalam penyiaran Islam, maka di sini akan cuba pula ditinjau akan anasir anasir (unsur unsur) Islam yang kedapatan di dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melaka. Oleh itu dalam membicarakannya elok sekiranya diteliti menurut sudut sudut dan perkara perkara yang lebih khusus sedikit di dalam bidang pentadbiran undang undang, ekonomi dan juga sosial.

#### Pentadbiran

Memperkatakan tentang pentadbiran ini, apa yang perlu diselidiki adalah mengenai unsur unsur Islam yang telah mengesani dalam sistem pentadbiran Melaka itu.

Bentuk susun lapis pentadbiran dalam kerajaan Melaka pada abad ke 15 M, terdiri daripada Sultan, Bendahara, Laksamana, Temenggong dan Syahbandar. Sementara itu raja telah membahagikan pula bentuk pentadbiran iut ke peringkat yang lebih khusus lagi dalam bidang seperti pertanian, kewangan, (12) perniagaan, keamanan dan sebagainya.

Berdasarkan keterangan tersebut jelas bahawa Raja adalah kuasa tertinggi dalam bidang pentadbiran negeri Melaka dan

---

12. Abu Hassan Adam, "Sejarah Melayu Ditinjau Dari Sudut Struktur Sosial dan Politik Kerajaan Melaka", Jurnal Sejarah, hal. 13 - 14.

baginda dikelilingi oleh kaum kerabatnya. Dengan itu baginda adalah tunjang dan teras kepada 'servival' bagi kerajaan Melaka seluruhnya. Ini diikuti oleh peringkat pentadbir dari golongan bangsawan Melayu seperti Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggong, Syahbandar, Perdana Menteri, Sri Bija (13) Di Raja, Mandulika dan seterusnya. Kemudian di bawahnya pula terdapat peringkat rakyat biasa yang merupakan golongan yang paling ramai. Sementara itu golongan hamba adalah yang paling bawah sekali.

Mengenai golongan Ulama' pula, mereka mempunyai kedudukan yang agak istimewa juga di dalam masyarakat. Mereka ini diibaratkan sebagai penasihat raja di dalam soal soal keagamaan dan juga pakar perundangan Islam iaitu para Qadi. Di samping itu mereka juga menjadi tempat rujuk kepada masyarakat tempatan dalam hal yang berhubung dengan perundangan Islam. (14)

Walaubagaimana pun untuk mengikuti dengan lebih jelas lagi tentang bentuk pentadbiran yang wujud di Melaka ketika itu, di sini akan cuba dikhususkan mengenai dengan pentadbiran pentadbir tersebut.

### Raja

Mengenai dengan kedudukan raja dalam Kesultanan Melaka

13. Yusoff Hashim, Jernal Sejarah, hal. 134

14. Muhammad Yusoff Hashim, Islam di Malaysia, hal. 14

mereka merupakan orang yang paling penting dan mempunyai kedudukan yang paling tinggi sekali. Pemerintah Melaka yang pertama, walaupun beliau telah memeluk agama Islam, namun beliau tidak menetapkan Islam sebagai agama resmi cuma sebagai keperluan ibadat. Walaubagaimana pun hal ini hanya mula diterapkan di dalam pentadbiran negeri semasa pemerintahan Sultan Muhammad Syah. Langkah beliau ini telah diikuti oleh pemerintah seterusnya seperti Sultan Muzaffar Syah telah menjadikan dasar Islam dalam pentadbiran negeri Melaka pada masa baginda. (15)

Faktor ke arah penyerapan unsur unsur Islam di dalam pemerintahan Kerajaan Melaka ini adalah kerana minat dan kesungguhan raja raja dalam mempelajari Islam itu sendiri serta penggalakannya kepada rakyat supaya mempelajarinya. (16)

Selain daripada itu raja raja Melaka juga telah mengambil berat masalah ini, dengan memberikan contoh tauladan serta mengingatkan putera putera baginda yang akan menaiki takhta supaya mengamalkan Islam di dalam tatacara pemerintahan mereka. Ini dapat dilihat pada masa Sultan Mansor Syah ketika saat saat kematiannya telah mengingatkan puteranya supaya memerintah dengan sabar, adil, mengambil berat tentang kesejahteraan rakyat, jangan tamak serta mengingatkan bahawa setiap tindakan pemerintah itu akan ditanya di akhirat kelak dan juga jangan sekali kali menyalahi perintah Tuhan. (17)

15. Hj. Buyung Adil, Sejarah Melaka Dalam Zaman Kerajaan Melayu, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973) hal. 23

16. Ibid, hal. 42

17. Mohd Idrus Jusi, JERAT, hal. 23

Di sini jelas menunjukkan betapa unsur unsur pentadbiran yang dikehendaki Islam mengikut lunas lunas Syariyyah telah menjalar di Melaka dan ini adalah suatu yang penting dalam Kesultanan Melaka. Kepentingan usul periksa yang diterangkan di atas dititik beratkan kerana pemerintah mahukan supaya keadaan negeri tidak kucar kacir atau ditimpa bencana. Kepentingan sikap saksama, perikemanusiaan, perlindungan dan permufakatan juga jelas dari wasiat wasiat yang terdapat di (18) dalam Sejarah Melayu. Hal ini dilihat kepada wasiat Sultan Mansor Syah itu;

"... hendaklah engkau berbuat sabar serta adil sangat sangat, dan juga jangan termakan harta orang... melainkan dengan izin tuannya. Dan janganlah lagi khali engkau dihadap orang, kerana segala hamba Allah banyak terserah kepada mu. Jikalau kesukaran baginya, hendaklah engkau tolong, jikalau teraniaya ia, hendaklah engkau periksa baik baik... harus engkau berbuat adil dan saksama... dan hendaklah engkau muafakat dengan segala menteri dan segala orang besar besar mu". (19)

Selain daripada itu apa yang dapat dilihat mengenai unsur Islam kepada raja itu adalah penggunaan "Sultan" itu sendiri. Asal usul perkataan Sultan itu adalah terdapat di dalam Al Quran. Ini kerana Al Quran menyebutkan Sultan itu bermakna

---

18. Ahmad Shallaby, Dasar Dasar Pemerintahan Islam (Singapura: Pustaka Nasional, 1967), hal. 42

19. W.G. Shellabear, Sejarah Melaka, hal. 126-7

kuasa atau kekuasaan. Malah gelaran Sultan itu juga dipakai oleh Ulama' Sufi (Tasawuf) seperti Ibn al-Fasid yang dikenali dengan Sultan al-Ashikin. Ini jelas menunjukkan yang pemerintah Melaka telah diresapi oleh unsur unsur Islam.

Meneliti kepada kekuasaan raja itu, menjelaskan bahawa kebebasan dan kesejahteraan individu itu amat dipentingkan. Selain daripada itu, kedapatan juga hak hak istimewa kepada raja Melaka di dalam institut pentadbiran itu sendiri. Ini dapat dilihat dalam fasal berkenaan "adat majlis segala majlis raja raja", "hal menjunjung duli", "hukum bahasa segala raja raja" dan lain lain lagi adalah menjelaskan tentang kekuasaan yang ada pada raja itu. Dengan ini kekuasaan yang dimiliki oleh raja Melaka di bawah tadbirannya adalah Negeri Melaka itu sendiri dan juga kawasan kawasan takluk dan pegangan.

#### Menteri Menteri

Mengenai kedudukan menteri menteri dalam masa pemerintahan kerajaan Melaka, mereka adalah sebagai penasihat kepada raja raja dan juga sebagai wakil di negeri negeri naungan Melaka. Bagi mencapai kedudukan tersebut mereka

- 
20. A. Cortesao, The Suma Oriental Of Tome Pires (London: Hakluyt Society, 1944), hal. 242
21. Yusoff Hashim, Jernal Sejarah, hal. 150
22. Ibid, hal. 135

diperlukan mempunyai keperibadian yang mulia atau dengan kata lain ciri ciri keperibadian Islam perlu kepadanya seperti mana anjuran yang dibuat oleh pemerintah Melaka kepada anak anaknya melalui wasiat. Hal ini dapat kita amati dalam penentuan Hukum Kanun itu sendiri mengenai jawatan menteri;

"... bermula segala menteri dan sida sida dan bala tentera sekalian itu, hendaklah seperti Firman Allah dalam Al-Quran itu hendaklah diturut

Inilah yang dikerjakan oleh segala menteri dan segala yang memegang pekerjaan itu. Hendaklah kamu dari pagi (23) pagi duduk di balai.....".

Selain daripada itu menteri menteri atau pegawai pegawai itu, mereka adalah bertindak sebagai ketua di bahagian mana mereka itu bertugas sebagai pengganti raja bila ketiadaan raja. Mereka boleh bertindak sebagaimana tindakan raja mengikut ketentuan yang diperuntukkan kepada mereka. Ini dapat dilihat juga kepada ketentuan di dalam Hukum Kanun;

"Fasal yang kesembilan belas pada menyatakan yang dapat membunuh itu atas empat martabat. Satu, Bendahari pada waktu tiada raja atau di dalam anak sungai sendiri, harus membunuh dengan tiada tahu raja; kedua, Temenggong pada waktu menangkap orang-orang itu pun tiada menanti lagi;

ketiga, Syahbandar tatkala di kuala... keempat, Nakhoda, tatkala di laut dapat ia membunuh kerana ia raja pada masa itu.....".  
(24)

Oleh itu dalam menjalankan hukum itu mereka perlulah mengetahui selok belok perundangan agar dapat melaksanakan keadilan. Dengan ini, pemilihan mereka telah ditetapkan mempunyai keupayaan menyiasat tentang kebenaran atau kesalahan sesuatu perkara, mengetahui undang undang, mempunyai kepintaran dalam menyelesaikan perbalahan dan juga adil serta saksama dalam pentadbiran mereka sesuai dengan apa yang dianjurkan oleh Islam atau dengan kata lain kepentingan usul periksa sangat diutamakan agar tiada ada yang teraniaya. Hal ini (25)  
jelas sekali diterangkan dalam fasal keenam Hukum Kanun;

"... Adapun ketahui olehmu bahawa syarat menteri itu pertama, menafahusi salah dan benar rakyat itu, kedua, maulah ia tahu akan hukum, ketiga, tahu ia mengambil ufti, keempat, maulah mendengarkan kata kedua pihaknya itu, kelima, tahun akan budi tatkala menjatuhkan hukum itu dengan kerasnya...".  
(26)

Meneliti kepada kedudukan ini, memperlihatkan bahawa peranan pembesar pembesar yang menjalankan pentadbiran negeri

24. PH.S.Van Ronkel, Teks Risalah Hukum Kanun (UKM: Terbitan Jabatan Syariah, 1979), fasal 9, hal. 7-8

25. Mohd Idrus Jusi, JEBAT, hal. 23

26. Teks Risalah Hukum Kanun, fasal keenam, hal.5

samada di dalam negeri mahupun di negeri jajahan Melaka, keperluan didikan Islam amat ditekankan. Tambahan pula anjuran pihak raja raja yang menyuruh pembesar pembesarnya mempelajari ilmu agama daripada ulama' ulama' yang ada masa itu.

#### Undang-undang

Memandangkan sebelum ini, dalam sistem pentadbiran Melaka itu, raja dan pembesar pembesar atau menteri menteri itu sebagai teras yang melaksanakan jentera pentadbiran negeri, maka mereka adalah berdasarkan kepada undang undang yang ujud pada masa itu samada undang undang bertulis atau tidak. Apa yang dimaksudkan dengan undang undang bertulis itu adalah undang undang yang dibukukan (walaupun tidak seperti sekarang) yang menjadi asas kepada Negeri Melaka itu sebagai panduan pemerintah. Sementara yang dimaksudkan dengan yang tidak bertulis itu adalah yang menjadi adat negeri pada masa itu. Ini dapat dilihat tentang tujuan penulisan undang undang laut itu;

"Bahawa ini suatu risalat daripada menyatakan perkataan undang undang daripada Paduka Sultan Mahmud Shah ibn Sang Purba yang turun dari Bukit si Guntang.... Ketahuilah oleh mu perkataan ini, supaya terpelihara segala hamba Allah subhanahu wa ta'ala sentosa daripada segala pekerjaan di dalam negeri dan di dalam pelayaran....jangan jadi perbantahan soal dan jawab di

(27)  
laut dan di darat."

Berdasarkan hal ini, akan dilihat mengenai unsur unsur Islam yang kedapatan dalam undang undang yang ada pada masa itu iaitu Hukum Kanun Melaka dan juga Undang undang Laut Melaka (Lampiran ( )). Meneliti kepada kitab sejarah dapat kita buktikan bahawa Melaka di sepanjang Abad ke 15 telah ada undang undangnya sendiri. Di samping dari bukti bukti catatan sezaman dari Barat seperti yang dibuat oleh Tome Pires yang menyatakan bahawa;

"They have civil and criminal (Jurisdiction) ini their  
(28)  
lands.....".

Asal terciptanya undang undang Melaka itu tidak dapat dipastikan dengan tepat. Pembentukannya mungkin berlaku disepanjang zaman zaman pemerintahan Sultan Iskandar Syah, (29) Sultan Muhammad Syah dan Sultan Muzaffar Syah. Walaubagaimana pun adalah jelas bahawa hukum Islam dijadikan sebahagian besar Undang undang Melaka dan Undang undang Lautnya selepas pemerintahan Megat Iskandar Syah, dikuatkuasakan pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Syah apabila proses penyesuaian berlaku dengan undang undang temurun (undang undang adat) yang (30) ditulis semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah.

- 
27. R.Winstedt and Dr. P.E.De Josselin De Jong, "The Maritime Laws of Malacca", JMBRAS, Vol. XXIX, Pt. 3(1956), hal.28  
28. Yusof Hashim, Jernal Sejarah, hal. 131  
29. Muhammad Yusoff Hashim, Islam di Malaysia, hal. 4  
30. Ibid, hal. 5

Undang undang Melaka itu dari semasa ke semasa ditokok tambah sehinggalah akhirnya daripada sembilan belas fasal yang asal, ia menjadi dua puluh dua dari berkembang lagi menjadi empat puluh empat fasal seperti yang terdapat pada hari ini. Undang undang Laut pula terdiri daripada dua puluh lima fasal. Fasal fasal yang berhubung dengan hukuman dan undang undang Islam dapat dilihat dari kenyataan teks teks itu sendiri yang di antara lain menyebut "... mengikut hukum Allah" atau "...mengikut dalil Allah" dan "...pada hukum Tuhan", walaupun pada banyak tempat apa yang disebut sebagai "Hukum" atau "dalil" Tuhan itu bukanlah sebenarnya undang undang Allah atau (31) undang undang Islam.

Bagi undang undang Melaka (hukum Kanun), peruntukan yang dapat di dalamnya itu adalah mengenai hal hal di darat di Negeri Melaka, anak sungai serta dusun juga takluk pada negeri itu. Selain daripada itu diterangkan juga mengenai hal hal tentang tanggung jawab raja serta pembesarnya, perhukuman atas kesalahan jenayah dan bersabit dengan hal hal awam serta undang undang keluarga. Sementara Undang undang Laut pula, peruntukan yang dibuat adalah bersabit dengan hal ehwal yang berlaku di laut, kedudukan pegawai kapal, kuasanya di dalam pelayaran serta hak perniagaan. (32)

---

31. Muhammad Yusoff Hashim, Islam di Malaysia, hal. 5

32. Yusoff Hashim, Jernal Sejarah, hal. 135

Pengaruh Islam Dalam Perundangan Di Melaka

Undang undang Melaka yang disusun lengkap oleh Sidi Ahmad dan dijadikan undang undang pemerintahan kerajaan tersebut dibahagi kepada dua bahagian. Pertama, Undang undang Negeri yang dikenali sebagai Hukum Kanun Melaka atau Undang undang Melaka, mengandungi undang jenayah, muamalah, keluarga keterangan dan acara, syarat syarat menjadi raja serta tanggungjawab mereka dan pembesar pembesar negeri terhadap pemerintahan. (33) Kedua, ialah Undang undang Laut Melaka, mengandungi perkara perkara yang berhubung dengan peraturan pelayaran dan perniagaan, kesalahan jenayah perdagangan serta bidang kuasa nakhoda (captain) kapal juga lain lain yang bersangkutannya. (34) Oleh kerana Hukum Kanun Melaka adalah undang undang induk yang meliputi undang undang lain di dalam negeri di samping pengaruhnya terhadap negeri negeri Melayu di bawah empayarnya, amatlah jelas jika ianya dijadikan contoh tentang wujudnya pengaruh Islam dalam perundangan. Ada juga pendapat yang mendakwa bahawa Undang undang Melaka banyak dipengaruhi oleh unsur unsur Hindu dari unsur unsur Islam. Rasanya pendapat demikian tidaklah dapat diterima kerana tidak terdapat sebarang hujah yang kongkrit. Sekadar mendakwa masih terdapat sedikit pengaruh Hindu di dalamnya, mungkin boleh diakui. Realitinya apa yang wujud bukan sekadar pengaruh Islam lebih banyak mempengaruhi undang undang tersebut

---

33. Muhamad Yusof Hashim, Islam di Malaysia, hal. 5

34. Hj. Abdullah Ishak Dr., Islam di Nusantara